

Selayangku Sayang



Buletin MPS | Percuma | Januari - April 2008



PILIHAN RAYA UMUM KE 12 P.097 SELAYANG BERJALAN LANCAR

MPS telah ditugaskan untuk mengendalikan Pilihan Raya Umum Ke 12 untuk P.097 Selayang. Ianya merangkumi Parlimen Selayang (P.097), Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuang (N13), DUN Rawang (N14) dan DUN Taman Templer (N15).

Tuan Yang Dipertua MPS, Tuan Zainal Abidin Azim telah dilantik sebagai Pengurus Pilihanraya.

Sebagai persiapan, beberapa siri kursus dan taklimat telah diberikan kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya Negeri Selangor.

Sepanjang tempoh proses pengundian, tiada sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku dan proses pengundian telah berjalan dengan lancar.

Ibu pejabat MPS telah dijadikan sebagai pusat penamaan calon, manakala Dewan SRJK (C) Selayang Baru dijadikan sebagai pusat penjumlahan rasmi undi.

Bilik Gerakan MPS pula telah dijadikan sebagai pusat pengeluaran dan pengiraan undi pos.

Menarik didalam



2008 Tahun Produkifiti Selangor



Pelancaran PPKB



Sambutan Maulidur Rosul



Ikrar Aku Janji



Taklimat Ahli Parlimen & ADUN

3

4

6

11

13

Sidang Redaksi

Penulis:
Tr. Zainal Abidin Bin Azim
Yang Dipertua

Tr. Hj. Jamilah Bin Basni
Tim. Yang Dipertua/Sektausaha

Ketua Pengarang:
En. Mohamad Zin Masood

Pen. Ketua Pengarang:
Cik Hilda Syima bt. Abu Talab

Pengarang:
Cik Noor Fifi Fadzira bt. Roslan

Jurugambar:
Cik Anissapinah bt Mohd Dan

Editor:
Jabatan Perhubungan Awam
Dan Perancangan Korporat

Pejabat Cawangan MPS

Cawangan Rawang
Jalan Bandar Rawang 2,
Bandar Baru Rawang,
48000 Rawang,
Selangor Darul Ehsan,
03-6092 7071

Cawangan Kepong
Jalan Utama,
Taman Wangsa Permai,
52200 Kepong,
Selangor Darul Ehsan,
03-6277 9457

Cawangan Gombak
Dewan Beringin,
Taman Sri Gombak,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan,
03-6188 3255

Terbitan

Majlis Perbandaran Selayang
Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan,
Tel: 03-6120 4903 / 4 / 6
Faks: 03-6138 8933
Email: selayangmper@mps.gov.my
<http://www.mps.gov.my>

*Perhatian: Semua pendapat dan buah
& kiran Selayangku Sayang tidak semestinya
merupakan pendapat rasmi MPS.

Dari Meja YDP

Pertama sekali saya ingin mengucapkan selamat bertemu kepada semua pembaca majalah Selayangku Sayang Majlis Perbandaran Selayang keluaran April 2008.

Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Rakyat yang telah diberi mandat melalui PRU ke 12 untuk mentadbir Negeri Selangor.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh kakitangan dan penjawat awam lain yang telah melibatkan diri secara langsung dalam mengendalikan urusan PRU ke 12 untuk P.097 Selayang.

Menyoret kembali pencapaian MPS pada tahun 2007, jumlah pendapatan adalah RM98,880,144 berbanding RM91,235,010 pada tahun 2006. Kanya mencatatkan peningkatan 8.7 peratus.

Cukai taksiran masih lagi merupakan sumber pendapatan utama yang digunakan untuk perkhidmatan perbandaran. Antaranya penyediaan dan penyelenggaraan infrastruktur, pembersihan dan pelbagai perkhidmatan untuk warga MPS.

Sepanjang 2007, MPS telah menganjurkan pelbagai program kemasyarakatan dan sukan seperti Task Puteri Off-Road Challenge, Kundang Jet Sport Challenge, dan Konvoi Kibar Jalur Gemilang.

Antara objektif program tersebut ialah untuk merapatkan hubungan masyarakat melalui aktiviti sukan dan menimbulkan semangat cintakan negara melalui aktiviti sambutan kemerdekaan.

Dengan kedatangan tahun 2008, saya rasa adalah baik sekiranya kita merenung kembali peranan kita semua sebagai kakitangan kerajaan atau penjawat awam terutama apabila kita melangkah ke alaf baru. Penitian dan pembaharuan harus dibuat



memandangkan harapan masyarakat terhadap kakitangan kerajaan terlalu tinggi.

Namun dengan pengalaman dan pengetahuan yang ada, MPS telah berjaya mendokong segala cita-cita, aspirasi dan wawasan kerajaan ke arah kecemerlangan perkhidmatan.

MPS juga memastikan segala perancangan dan mutu kerja lebih berkualiti demi menjamin kesejahteraan penduduk Selayang. Sebagai penjawat awam yang berkhdmat terus kepada masyarakat, kakitangan MPS berperanan penting untuk memikul dan memastikan wawasan kerajaan Negeri dan Negara dipatuhi dan dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

ZAINAL ABIDIN BIN AZIM
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG



2008 *Berkhidmat Dengan Cemerlang* Tahun Produktiviti Selangor

Perhimpunan Tahun Baru 2008 telah diadakan di Laman MPS pada 21hb Januari 2008. Perhimpunan tersebut diadakan dengan tema "Berkhidmat Dengan Lebih Cemerlang" selaras dengan Produktiviti Selangor 2008.

Majlis ini dimulakan dengan Perbarisan Tabik Hormat oleh seramai 40 orang anggota Pengawalkuasa MPS. Perhimpunan tersebut telah turut dihadiri Ahli-Ahli Majlis dan kakitangan seluruh jabatan MPS.



Sebahagian dari Warga Kerja MPS di Majlis Perhimpunan Tahun Baru 2008.

Dalam ucapannya, Tuan YDP telah menjelaskan visi dan misi kerajaan Negeri Selangor untuk tahun 2008.

Beliau seterusnya menyeru semua kakitangan meningkatkan mutu perkhidmatan dan disiplin sepanjang masa bertugas.

Dalam usaha untuk mencapai kecermerlangan perkhidmatan, semangat kerjasama dan berpasukan perlu diamalkan di setiap lapisan warga kerja MPS.



Tuan YDP menyampaikan Dokumen ISO kepada Pn Norhayati Ahmad, Pengarah Audit Dalam.

Beliau juga menekankan pentingnya Ahli-ahli Majlis menjalankan tugas seperti yang telah digariskan. Sebagai perantara masyarakat dengan MPS, mereka perlu meningkatkan hubungan di kalangan masyarakat seterusnya hubungan dengan kakitangan MPS.

Dalam perhimpunan tersebut juga, Tuan YDP telah menyampaikan dokumen MS ISO 9001:2000 kepada jabatan-jabatan yang terlibat.

PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR SASAR SIFAR MISKIN TEGAR



Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Azizah Datuk Seri Panglima Hj. Mohd Dun, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mewakili YB. Dato' Seri Ong Ka Ting, Menteri Perumahan & Kerajaan Tempatan Malaysia.

Dalam ucapannya, beliau menjelaskan bahawa PPKB dirancang untuk dilaksanakan di dalam RMIK-9 bagi memastikan pencapaian sifat miskin tegar dan penurunan kadar kemiskinan kepada 2.8 peratus menjelang 2010.

Tumpuan akan diberikan kepada penambahbaikan kualiti hidup, peningkatan pendapatan dan bina upaya keluarga miskin.

PPKB mengandungi tujuh jenis bantuan yang boleh dipohon oleh keluarga

miskin dan miskin tegar. Antaranya seperti bantuan sewa rumah, bantuan kemasukan ke sekolah dan IPT, bantuan kos jagaan kanak-kanak, bantuan kos pengangkutan ke sekolah dan tempat kerja serta bantuan kos rawatan dialisis dan kos pengangkutan.

Seramai 150 orang peserta yang telah dipilih dari MPS, MBPJ, MPK, MPKJ telah hadir ke Program Motivasi tersebut.

Pada majlis itu, KPPT turut menyerahkan peruntukan sebanyak RM362,150.00 di bawah program PPKB bagi tujuan sewa rumah dan kemasukan ke sekolah kepada MPS, MBPJ, MPK, MPKJ.

Majlis Perasmian Program Motivasi Di Bawah Program Pembasmi Kemiskinan Bandar (PPKB) telah diadakan pada 14hb Februari 2008 di Dewan Beringin, Taman Seri Gombak.

Program tersebut adalah anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPPT) dengan kerjasama MPS dan Persatuan Ahli Majlis Wanita Kerajaan Tempatan Malaysia.

KURSUS MOTIVASI PPKB - USAHA BINA KEUPAYAAN DAN TINGKATKAN PENDAPATAN

Program Motivasi di bawah PPKB telah diadakan pada 14hb - 16hb Februari 2008 di Teratak Singgah, Kompleks Seri Siantan, MPS.

Seramai 150 orang peserta yang telah dipilih dari MPS, MBPJ, MPK, MPKJ telah hadir ke Program Motivasi tersebut.

Objektif program adalah untuk membantu kumpulan sasaran memperolehi pengetahuan dan kemahiran serta menghasilkan keluarga sejahtera melalui peningkatan pendapatan isi rumah miskin.

Program motivasi ini adalah merupakan



Para peserta diberi bimbingan oleh konsultan yang dilantik.

salah satu program di bawah Projek Pendidikan dan Latihan di bawah PPKB.

Selain motivasi, program lain ialah projek bina hubungan sosial, latihan kemahiran dan kursus/bengkel/seminar.

KUNJUNGAN HORMAT

DARI ANULAE



AJK Anulae dan pengurusan MPS bertukar-tukar pendapat.

Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Pengguna-Pengguna Tempatan Semenanjung Malaysia (ANULAE) telah melakukan kunjungan hormat ke MPS pada 29hb Februari 2008.

Rombongan diketuai oleh En. Aziz bin Muda selaku Presiden Anulae disertai seramai 5 orang AJK Anulae.

Objektif lawatan adalah untuk mendapat gambaran berkaitan masalah yang dihadapi oleh PBT terutama masalah 'delivery system'.

Taklimat pembangunan MPS telah disampaikan oleh Tuan YDP. Turut hadir dalam taklimat tersebut ialah Timbalan YDP MPS, pengarah-pengarah jabatan, wakil Anulae MPS dan wakil Majlis Bersama Jabatan (MBJ).

Menurut En. Aziz bin Muda, hasil lawatan menunjukkan tuang masih terbuka

luas untuk kedua-dua pihak iaitu majikan dan pekerja duduk bersama bagi menyelesaikan pelbagai isu dan masalah. Maklum balas yang diperoleh sepanjang perbincangan diharap akan dapat membantu memperkuuh dan memastikan Institusi PBT terus dihormati dan disegani.

DARI MP KOTA BHARU

MPS telah menerima lawatan pihak pengurusan dan Ahli-ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam pada 25hb Mac 2008.

Rombongan diketuai oleh Ustaz Nik Mohd. Abdur bin Dato' Hj Nik Abdul Aziz selaku Ahli Majlis bersama 10 orang Ahli Majlis dan pengurusan.

Tujuan lawatan ialah untuk mengetahui mengenai proses tindakan pungutan cukai taksiran yang dilaksanakan oleh MPS.



Taklimat telah disampaikan oleh Puan Rohimah Nor bte Sharifuddin, Ketua Bahagian Hasil MPS.

Selepas taklimat, ahli rombongan telah dibawa melawat ke kaunter bayaran dan pejabat Bahagian Hasil untuk melihat demonstrasi kaedah sitaan.

BENGKEL KECANTIKAN WANITA



Biro Wanita Kelab Sukan dan Kebaikan MPS telah menganjurkan Bengkel Kecantikan Wanita pada 4hb April 2008 di BILK Slantan.

Puan Yang Salwati dari syarikat Deko

Top Enterprise telah dijemput untuk mengendalikan bengkel tersebut. Ianya dijanjikan berljuuan untuk memberikan pendedahan kepada kakitangan wanita untuk berketrampilan menarik

sesuai dengan cara berpakaian dan suasana bekerja. Bengkel tersebut telah dihadiri seramai 56 orang kakitangan wanita dari pelbagai jabatan di MPS.

Sambutan Maal Hijrah 1429



Sambutan Maal Hijrah 1429 telah diadakan pada 15hb Januari 2008 bertempat di Surau MPS di Tingkat 8 Menara MPS.

Majlis sambutan diadakan dengan mengadakan ceramah agama yang disampaikan oleh YBhg. Ustaz Dr. Fauzi bin Deraman, Pensyarah Universiti Malaya.

Dalam ceramahnya beliau menjelaskan pentingnya hijrah dalam kehidupan seseorang insan terutama sekali hijrah yang membawa kepada kebaikan. Beliau juga menjelaskan beberapa perubahan yang perlu dilakukan sebagai penjawat awam khususnya dalam era globalisasi.

Seramai lebih kurang 80 orang kakitangan telah menghadiri majlis tersebut.



Sambutan Maulidur Rasul



Biro Agama, Kelab Sukan dan Kebajikan MPS telah menganjurkan majlis Sambutan Maulidur Rasul pada 21hb Mac 2008.

Majlis dimulakan dengan perarakan dari Stadium MPS ke Ibu Pejabat MPS yang disertai oleh seluruh jabatan MPS.

Jabatan Perbadanan telah terpilih sebagai pemenang kategori sepaduk terbaik. Tempat kedua Jabatan Khidmat Pengurusan dan ketiga Jabatan Perbendaharaan.

Ceramah khas Maulidur Rasul telah disampaikan oleh YBhg. Ust. Nizam bin Kamaluzaman.



PENGAUDITAN MS ISO 9001:2000 OLEH SIRIM



Selaras dengan usaha untuk menaik taraf prosedur MS ISO 9001:2000, satu pemeriksaan audit oleh pihak Sirim Bhd. telah diadakan 9hb - 11hb April 2008. Juru Audit ISO diketuai oleh YM Tengku Alidh Alhaj Tengku Amiruddin dan Puan Sozlin bte. Alias.

MPS telah memilih sebanyak 18 skop yang melibatkan Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Bangunan, Jabatan Keshatan dan Pelesenan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dan Unit Pusat Setempat.



Jabatan	Prosedur
Kesiteraan	Permohonan Kelulusan Pelan Kerja Tanah Permohonan Kelulusan Jalan dan Peparitan Permohonan Kelulusan Lampu Jalan
Perancang Bandar	Kelulusan Kebenaran Merancang Proses Perakuan Pelan Pra-Perhitungan Proses Kelulusan Kebenaran Merancang (Pendirian Bangunan)
Pelan Bangunan	Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan
Keshatan dan Pelesenan	Permohonan Kelulusan Premis Perniagaan dan Iklan Permohonan Kelulusan Premis Hiburan dan Tempat Hiburan Permohonan Kelulusan Iklan Billboard Permohonan Kelulusan Premis Perniagaan dan Iklan (Sebaik-maka)
Penilaian dan Pengurusan Harta	Penilaian Semula Ke Atas Pegangan Se-cukai Ringan Ke Atas Senara Nilai Pengendalian Rantahan Terhadap Nilai Pengemaskinian Maklumat Permintaan Pegangan Kulipan Cuka Taksiran Kulipan Tunggokan Cuka Taksiran
Unit Pusat Setempat (OSC)	Pengurusan Penerimaan Permohonan Pembangunan Melalui OSC

LELONGAN AWAM BERJAYA KUTIP RM7,350



Lelongan awam ke atas barang-barang mudah alih yang telah dipta telah diadakan pada 30hb Januari 2008 di Lobi Menara MPS.

Tindakan ini adalah berikutan operasi sita yang telah dijalankan sejak akhir tahun lalu. Hasil lelongan adalah bertujuan mengutip cukai taksiran pemilik premis yang tertinggak. Antara barang yang dilelong ialah peralatan

elektrik dan perabot. Lelongan dijalankan oleh sebuah syarikat lelong yang berdaftar.

Tindakan ini adalah bertujuan untuk memastikan kulipan hasil cukai taksiran sepenuhnya. Kesedaran dan kerjasama orang ramai untuk menjelaskan bayaran cukai taksiran akan dapat membantu MPS menjalankan tanggungjawab dengan lebih baik dan berkesan.

SEKITAR PRU KE-12

MPS telah ditugaskan untuk mengendalikan Pilihan Raya Umum Ke 12 untuk P.097 Selayang.

Tuan Yang Dipertua MPS, Tuan Zainal Abidin Azim telah dilantik sebagai Pengurus Pilihanraya.

Penolong Pegawai Pilihanraya adalah terdiri daripada Tuan Hj Jamri Basni,

Menjelang Hari Mengundi



Petugas-petugas PRU ke-12 mendengar taklimat dari Pengarah Pilihanraya Negeri.

Penamaan Calon

Hari Penamaan calon telah ditentukan pada 24hb Februari 2008 di Ibu Pejabat MPS, Bandar Baru Selayang.

Para penyokong parti-parti yang bertanding telah memenuhi persekitaran Ibu Pejabat MPS sejak awal pagi. Namun dengan kecekapan pasukan keselamatan khususnya pasukan Polis telah berjaya mengawal keadaan.



N15 Taman Templer



P097 Selayang



N14 Rawang



N13 Kuang



Petugas-petugas PRU dengan teliti melakukan persiapan terakhir.

Menjelang hari mengundi, seluruh petugas adalah bertanggungjawab untuk memastikan segala keperluan dan kelengkapan mengundi adalah mencukupi. Antara lain kertas undi, buku daftar undi, peti undi, alat tulis, poster dan lain-lain.

Mereka juga perlu memastikan tempat mengundi dibuka dan ditutup mengikut masa yang ditetapkan.

Seramai 151 orang telah dilantik sebagai Ketua Tempat Mengundi dan 998 dilantik sebagai Kerani Pengundian, Kerani Pengundian Undi Pos dan Kerani Semakan Pendaftar.

P.097 SELAYANG

Tim, YDP untuk P.097 Selayang, En. Juhari Ahmad untuk N.13 Kuang, Puan Zulaina Abu Talib untuk N.14 Rawang dan En. Jamaluddin Mat Dari untuk N.15 Taman Templer.

Sekretariat Parlimen ialah Tuan Hj Azari Bakri manakala Penolong Pegawai Pengurus Undi Pos ialah En. Hasmawi Mat Junit.



Hari Mengundi

Hari mengundi telah ditetapkan pada 8hb Mac 2008.

Untuk N13 Kuang sebanyak 36 tempat mengundi disediakan, Manakala N14 Rawang sebanyak 42 tempat mengundi disediakan dan N15 Taman Templer sebanyak 73 tempat mengundi.



Keputusan

P.097 Selayang mempunyai seramai 79,017 bilangan pemilih.

Secara keseluruhannya, proses pengundian adalah berjalan dengan lancar dan baik.



Warga emas juga tidak melepaskan peluang untuk menunaikan tanggungjawab.



Dewan SRJK (Cina) Selayang Baru telah diwartakan sebagai Pusat Penjumlahan Raemi Undi. Segala persiapan untuk menerima pengiraan undi telah dibuat mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

P.097 Selayang telah dimenangi YB Tuan William Leong Jee Kin calon Parti Keadilan Rakyat (PKR).

N13 Kuang telah dimenangi YB Abdul Shukur Idrus calon Barisan Nasional (BN) manakala N14 Rawang dimenangi YB Puan Gan Pei Nel (PKR) dan N15 Taman Templer dimenangi YB Dato' Subahan Kamal (BN).



Para petugas menyerahterahkan keputusan di Pusat Penjumlahan Undi.



Pengurus Pilihan Raya menyelia tugas di Pusat Penjumlahan Undi.

SEKITAR SAMBUTAN THAIPUSAM



Perayaan Thaipusam telah disambut oleh pengikut agama Hindu pada 23hb Januari 2008.

Kuli di Gua Batu Caves sememangnya menjadi tumpuan kepada pengikut agama Hindu dan pelancong tempatan serta luar negara untuk menyaksikan kemeriahkan upacara sambutan Thaipusam pada setiap tahun.

MPS telah menyediakan sebanyak 100 tapak untuk perlakuan gunting rambut dan sebanyak 430 tapak untuk jualan makanan dan minuman. Tapak-tapak yang disediakan oleh MPS adalah yang terletak di luar kawasan.

Oleh kerana sambutan yang begitu menggalakkan untuk mendapatkan tapak jualan tersebut, proses jualan barang untuk permohonan tapak gerai tersebut telah diadakan sebulan lebih awal di Kompleks Muhlibah MPS.

Selepas jualan barang, pemohon perlu melalui proses cabutan undi tapak yang diadakan secara terbuka di Stadium MPS.

Anggota Pengawalkuasa MPS dan kakitangan dari Jabatan Pelesehan dan Kesihatan telah menjalankan tugas kawalan bagi memastikan penjaga mengikuti peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Selain itu mereka juga bertanggungjawab untuk mengawal keselamatan dan lalulintas bagi membantu tugas anggota polis.



Bagi memastikan tahap kebersihan sepanjang perayaan, MPS telah meletakkan beberapa tong sampah bergerak di sepanjang laluan ke Gua Batu Caves dan memastikan segala sampah sarap dibersihkan pada setiap masa. Ianya penting bagi menjaga imej kerana kawasan tersebut menjadi tumpuan pelancong sepanjang perayaan Thaipusam.

Dialog



Malai Dialog bersama JKP Taman Amaniah telah diadakan pada 17hb April 2008. Isu yang diperbincangkan ialah berkaitan masalah banjir kilat dan menaik taraf sistem saliran di taman tersebut.

E-Cuti



Selaras dengan perkembangan IT, pelbagai sistem telah dibangunkan oleh MPS. Mulai tahun 2008, kakitangan boleh memohon cuti melalui sistem E-Cuti yang boleh diakses melalui laman web MPS.

Lesen Serta Merta



Mulai 2008, MPS akan mengeluarkan lesen perlakaan serta merta yang melibatkan lesen yang tidak berisiko. Untuk lesen yang memerlukan ulasan teknikal, akan diberi lesen sementara tidak melebihi 6 bulan.

MAJLIS IKRAR AKUJANJI TAHUN PRODUKTIVITI SELANGOR 2008 PERINGKAT MPS

Majlis Ikrar Akujanji Peringkat MPS sempena Tahun Produktiviti Selangor 2008 telah diadakan pada 4hb Februari 2008. Ianya dianjurkan selaras dengan majlis yang sama yang telah dianjurkan di peringkat negeri pada 24hb Januari 2008.

Objektif program ini ialah untuk meningkatkan serta melancarkan lagi mutu kerja dan perkhidmatan seluruh jentera khidmat awam di Negeri Selangor.



Dalam majlis tersebut semua kakitangan telah melafazkan ikrar akujanji produktiviti yang telah diketua oleh En. Az'har Samsuri, Pengarah Perbendaharaan MPS.

Semua pengarah jabatan juga telah menandatangani buku akujanji yang akan dipanjangkan kepada seluruh kakitangan MPS.



JASAMU DIKENANG



En. Md. Sodik b. Dollah



En. Nazri b. Othman



Tuan Hj. Abd. Rahim b. Ahmad

Serentak dengan Majlis Ikrar Akujanji Produktiviti 2008 telah diadakan majlis meraikan pesara MPS untuk sei Julai - Disember 2007. Dalam majlis tersebut mereka menerima seutas jam tangan serta isijil dari MPS dan wang tunai RM350 sumbangan Kelab Sukan dan Kebajikan MPS. Senarai pesara adalah seperti berikut:

Nama	Jawatan	Tarikh Perkhidmatan
En. Mohd. Nor b. Hj Abd. Shukur	Pembantu Penguarusua (N22)	21.06.1974 - 18.07.2007
En. Kiehnan a/l Perumal	Pemandu	01.06.1981 - 08.10.2007
En. Md. Sodik b. Dollah	Pekerja Rendah Awam	25.10.1976 - 11.03.2007
En. Nazri b. Othman	Pemandu	05.07.1972 - 22.09.2007
Tuan Hj. Abd. Rahim b. Ahmad	Pen. Pegawai Kestatalan Pensekutuan	01.08.1972 - 07.09.2007

KOMUNITI SIHAT DAPAT SAMBUTAN



Setiap pendaftaran direkodkan oleh pihak FSKB.



Pemeriksaan penglihatan bukan hanya untuk golongan muda.



Kaunter pemeriksaan tekanan darah menjadi tumpuan.

Program Komuniti Sihat (PKS) adalah merupakan satu program berbentuk khidmat Masyarakat kerjasama antara MP5 dan Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu (FSKB) Universiti Kebangsaan Malaysia.

PKS telah diadakan pada 30hb Mac 2008 di Masjid Al-Ehsaniah, Kg. Melayu Bt. 16 Rawang.

Dr. Razif b. Zainol Abidin, Pengarah Kesihatan & Pelesehan MP5 telah merasmikan program tersebut. Dalam ucapan perasmiannya beliau berharap program ini akan dapat mencapai objektifnya untuk mempromosi kesihatan secara berkesan dan berterusan kepada masyarakat. Adalah diharapkan melalui program ini, mutu dan taraf kesihatan penduduk

akan meningkat.

Antara perkhidmatan yang diberikan ialah menguji kandungan kolestrol, glukosa, tekanan dan ikumpulan darah serta hemoglobin, pemeriksaan penglihatan, pendengaran dan pertuturan, demonstrasi serta khidmat nasihat farmasi.

Program ini telah melibatkan seramai 100 pelajar FSKB. Program yang dimulakan pada jam 9 pagi hingga jam 5 petang telah dihadiri seramai lebih kurang 750 orang penduduk dari kawasan persekitaran.

Program ini telah dianjurkan dengan kerjasama Jawatankuasa Masjid Al-Ehsaniah, Kg Melayu Bt. 16, Rawang.

OPERASI MPS DAN PDRM



Operasi pemeriksaan lesen hiburan dan pusat hiburan telah diadakan 21hb April 2008. Operasi bersepada ini dijalankan bersamaan antara MPS dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD) Gombak.

Tumpuan operasi ialah sekitar Desa Aman Puri, Kepong dan Rawang. Sebanyak 10 premis telah dilawati dan beberapa nota kesalahan telah dikeluarkan.

Operasi tersebut melibatkan 8 pegawai dan 10 anggota Penguatankuasa MPS bersama 10 orang anggota Polis.

TAKLIMAT KEPADA AHLI PARLIMEN DAN ADUN



Dr. Hassan Ali, ADUN Gombak Setia, YB Tuan Amiruddin Sharif, ADUN Batu Caves, YB Puan Gan Pei Nei, ADUN Rawang dan YB Elizabeth Wong, ADUN Bukit Lanjan.

Tujuan taklimat ialah untuk memberi pendedahan kepada Ahli Parlimen dan ADUN berkaitan pembangunan dan masalah-masalah setempat yang perlu diselesaikan secara bersepadu.



Menerusi majlis taklimat ini juga, mereka telah turut diperkenalkan kepada Pengarah-pengarah Jabatan dan Ketua-ketua Bahagian MPS.

Majlis Taklimat Pembangunan MPS kepada Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di kawasan MPS telah diadakan pada 11hb April 2008 di Bilik Siantan.

Tuan Zainal Abidin Azim, YDP MPS telah menyampaikan taklimat tersebut. Majlis tersebut telah turut dihadiri YB Dato'



MINI EKSPON VENDOR SELANGOR



Mini ekspo yang melibatkan syarikat-syarikat bumiputera yang terlibat dengan Program Vendor Negeri Selangor yang diusahakan oleh Dataran Usahawan Selangor telah diadakan di Lobi Menara MPS pada 17hb April 2008.

Tujuan mini ekspo ini dilanjutkan adalah untuk memberi penerangan berhubung konsep vendor Negeri Selangor, dasar dan kaedah pelaksanaannya. Ianya juga bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para usahawan

mendapatkan peluang-peluang perniagaan khususnya di sektor awam.

Sebanyak 20 syarikat terlibat dengan mini ekspo tersebut. Tuan YDP MPS telah turut hadir dan dibawa melawat ke gerai pameran dengan diberi penerangan oleh En. Nor Hisham bin Ses selaku Pengerusi Dataran Usahawan Selangor.

Turut hadir dalam lawatan tersebut ialah Tuan Timbalan YDP, Pengarah-pengarah jabatan serta pegawai-pegawai MPS.

SELAMAT BERTUGAS

MPS ingin mengucapkanlah tahniah dan selamat bertugas kepada kakitangan yang baru dilantik. Adalah diharapkan, kita akan dapat menjalankan tugas dengan penuh ilmu, berdisiplin, bekerjasama dan saling hormat menghormati demi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada seluruh Warga MPS.

Kakitangan Baru

Nama	Jawatan	Tarikh Lantikan
Mohd Faizal b. Azahid	Pen. Peg. Keshatasan Persekutuan (U29)	02.01.2008
Azizatul Hizayu bt. Talib	Pen. Peg. Keshatasan Persekutuan (U29)	02.01.2008
Mohd Salehuddin o. Mohd. Razali	Pemandu Kenderaan (R3)	02.01.2008
Srinathamby a/l Rajamanickam	Pemandu Kenderaan (R3)	02.01.2008
Lithaya Vicheswari a/l Dharmalingam	Pemandu Kenderaan (R3)	02.01.2008
Mohd Zamri b. Yaakob	Pemandu Kenderaan (R3)	02.01.2008
Edris b. Abu	Pemandu Kenderaan (R3)	02.01.2008
Mohd Hariz b. Ibrahim	Pemandu Kenderaan (R3)	02.01.2008
Abdu Rahim b. Osman	Pemandu Kenderaan (R3)	02.01.2008
Mohd Hafiz b. Zumahar	Pemandu Kenderaan (R3)	02.01.2008
Masvia b. Karla	Pemandu Kenderaan (R3)	15.01.2008
Mizra b. Sidek	Juruteknik Komputer (F117)	16.01.2008
Yuzrah ct. Yusop	Juruteknik Komputer (F117)	16.01.2008
Mohamad Azuan S. Osman	Pemandu Kenderaan (R3)	01.02.2008
Mohd. Suhaimi b. Abd. Ghani	Juruteknik Komputer (F117)	01.02.2008
Mohd Ajmal . Sulaiman	Pembantu Tadbir (N17)	01.02.2008
Mohd Fazli b. Ab. Rahmat	Pembantu Tadbir (N17)	01.02.2008
Tangarajan a/l Manikam	Pembantu Tadbir (N17)	01.02.2008
Mohamad Azree b. Yantiq	Pen. Peg. Teknologi Maklumat (P29)	01.02.2008
Azzah bt. Othman	Pen. Peg. Teknologi Maklumat (P29)	01.02.2008
Mohamad Zamri b. Mohd Zain	Peg. Perancang Bandar (4B)	01.02.2008
Mohd Khaizul Adlan b. Ramli	Pembantu Tadbir (N17)	03.03.2008
Norzean bt. Nozikan	Pembantu Tadbir (N17)	17.03.2008
Zainal bt. Ahmad	Peg. Teknologi Maklumat (F41)	21.03.2008
Mazlina bt. Mohd Muzeini	Juruteknik (C17)	21.04.2008

SELAMAT BERSARA

Kepada kakitangan yang bersara, MPS ingin merakamkan ucapan terima kasih atas sumbangan dan khidmat yang telah dicurahkan. Semoga segala pengalaman semasa bertugas dapat dijadikan panduan.

Kakitangan Bersara

Nama	Jawatan	Tarikh
H. Md. Khati b. Aham	Pembantu Pangguangkuasa	24.01.2008
Palanthy a/l Veerappan	Pekerja Pendaftaran Awam	02.04.2008
H. Jamil b. Ismail	Pendidik Pegawai Keselamatan (Kesusa Pakuan)	01.03.2008

MESRA RAKYAT

Program Turun Padang adalah salah satu Program Mesra Rakyat bertujuan untuk melihat masalah yang dihadapi oleh orang ramai dengan lebih dekat dan

mencari jalan penyelesaian secara tepat dan segera. Ianya diketuai oleh Tuan YDP dengan disertai pengarah-pengarah jabatan yang berkaitan.

Lawatan ke tapak projek Pembangunan Usahasama MPS dengan Syarikat Siti Dinar Sdn Bhd telah diadakan pada 25hb Januari 2008. Tujuan lawatan ialah untuk melihat status pembangunan projek tersebut.



Lawatan turun padang ke kawasan pembangunan sekitar Sungai Pusu telah diadakan pada 1hb Februari 2008. Antara isu yang berkaitan dengan pemaju di kawasan tersebut adalah berkaitan dengan permohonan Sijil Kelayakan Menduduki dan isu pertukaran syarat tanah. Ia juga bertujuan untuk memantau sebarang perlonggaran syarat kelulusan yang telah dikeluarkan.



Selaras itu, Tuan YDP telah melawat aduan jalan mendap di Jalan 3/7 Taman Desa, Bandar Country Homes, Rawang. Tuan YDP telah mengatakan Jabatan Kejuruteraan dan Syarikat Indah Water Consortium (IWK) untuk mencari punca kejadian tersebut dan tindakan penyelesaian.



Program menolak jalan di sekitar MPS telah diadakan sejak awal tahun 2008. Sehubungan dengan itu, Tuan YDP telah turun padang untuk melihat pencapaian program tersebut pada 5hb Mac 2008. Antara kawasan yang dilawati ialah Taman Greenwood, Taman Samudera dan Kg Sungai Tua Gantian.



Berdasarkan aduan penduduk, Tuan YDP telah mengadakan lawatan ke Selangor Heights pada 18hb April 2008. Perbincangan dengan pihak pemaju telah diadakan yang bersetuju untuk mengambil tindakan atas aduan penduduk.

Berdasarkan aduan penduduk melalui media, Tuan YDP telah melawat Taman Setia Jaya, Rawang. Isu yang ditimbulkan ialah masalah lepasan asap oleh syarikat kuai bersebelahan taman tersebut yang telah menyebabkan pencemaran asap dan habuk. Perkara ini telah diparangarkan ke Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan pihak pengusaha telah dinasihatkan untuk mengikut syarat yang telah dikeluarkan oleh JAS.

BPA ANJUR KAUNTER ADUAN BERGERAK BERSEPADU



Kaunter Aduan Bergerak Bersepadu, anjuran Biro Pengaduan Awam Wilayah Persekutuan/Negeri Selangor dengan kerjasama MPS telah diadakan pada 18hb April

2008 di Pusat Membeli Belah Selayang Mall.

Sebanyak 18 agensi kerajaan dan swasta telah membuka kaunter perkhidmatan masing-masing bagi memudahkan

orang ramai membuat aduan, pertanyaan dan memberi cadangan tentang perkhidmatan kerajaan.

Dianggarkan seramai 350 orang telah hadir dalam program berkenaan dan

pelbagai aduan telah dikemukakan kepada agensi terbabit. Semua aduan yang dikemukakan telah direkodkan untuk tindakan selanjutnya.

BENDERA BARU MPS



Dalam usaha untuk meningkatkan imej korporat, MPS telah mengambil langkah untuk memperkenalkan bendera rasmi baru MPS.

Bendera ini melambangkan semangat kami untuk sentiasa menjalankan tugas dan tanggungjawab demi pembangunan fizikal dan mental seling dengan wawasan Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

Bagi memastikan sistem penyampaian dan perkhidmatan yang terbaik, seluruh jentera kakitangan sentiasa menjalankan tugas dengan mesra, cepat, tepat dan berkualiti.

Bendera baru ini telah diperkenalkan dalam Majlis Perhimpunan Tahun Baru 2008.

RM21,400 MENANTI PARA PEMANCING

Pertandingan Memancing Terbuka Selangor akan diadakan pada 1hb Mei 2008, di Taman Tasek Bersatu, Rawang sempena dengan Hari Pekerja.

Sehubungan dengan itu, majlis pelancaran telah diadakan pada 24hb April 2008. Tuan Hj Jamil Basri, Timbalan YDP, MPS telah merasmikan majlis pelancaran tersebut dengan melepaskan sebanyak 2 tan ikan pelbagai spesies. Antaranya ialah

Keli Afrika, Pacu, Rohu, Tongsan dan Talapia.

Sebanyak RM21,400 wang tunai disediakan sebagai hadiah dengan RM12,000 untuk pemenang pertama. Sementara itu sebuah Motosikal Modenas Kris sebagai hadiah bonanza.

Program anjuran bersama MPS dan Wak Joli Events & Management mensasarkan seramai lebih 1,000 orang pemancing untuk mengambil bahagian.

